



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Portal : www.kpkt.gov.my
Emel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.3 (88)

Tarikh : 17 Oktober 2014

SIARAN MEDIA

KPKT PRIHATIN TERHADAP ISU-ISU PENDUDUK BANDAR

Pekan, 17 Oktober 2014 – Y.B. Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyempurnakan majlis perjumpaan bersama Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Pahang pada pagi ini.

2. KPKT mengambil inisiatif menubuhkan JPP ini memandangkan tidak ada perwakilan yang mewakili penduduk bandar. Lebih 70 peratus penduduk Malaysia tinggal di kawasan bandar dan dijangka mencecah 75 peratus menjelang tahun 2020.

3. Isu-isu masyarakat bandar makin hari makin kompleks seperti kesihatan, pendidikan, pembentungan, alam sekitar, keselamatan dan kebajikan.

4. Kepesatan perubahan demografi bandar ini menyebabkan tadbir urus kerajaan yang melibatkan penduduk bandar menjadi semakin kompleks dan perlu mekanisma menghubungkan penduduk bagi menyalurkan aduan kepada kerajaan. JPP ini akan meredakan penduduk bandar yang sering mendesak diadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan.

5. Atas keperihatinan YAB Perdana Menteri, Jemaah Menteri telah meluluskan satu organisasi mirip JKKK sebagai mekanisma perhubungan penduduk dan Kerajaan persekutuan.

6. Peranan JPP merangkumi: -

- platform penduduk untuk mendapatkan penjelasan berkaitan dasar-dasar Kerajaan.
- Penghubung antara Kerajaan dan rakyat
- saluran menyalurkan pandangan dan aduan untuk diambil tindakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan.

- membantu kerajaan menangani isu-isu penduduk bandar yang berkaitan dengan fungsi Kerajaan Persekutuan dengan efektif.
- perlu memastikan rakyat di kawasan bandar mempunyai *emotional attachment* dan *sense of belongings* dengan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan PBT.

7. Peranan Pengerusi JPP

- bertindak sebagai *opinion leaders* bagi menghubungkan penduduk setempat dengan Kerajaan.
- perlu memastikan biro yang dilantik merangkumi semua golongan pihak berkepentingan seperti wanita, belia, NGO dan profesional.
- ini bagi memastikan setiap kelompok masyarakat dapat diwakili dan didengari.
- membuka ruang seluas-luasnya kepada penduduk setempat untuk menyalurkan Idea dan aduan melalui JPP.
- perlu memastikan masyarakat setempat mempunyai akses pada bila-bila masa (24/7).
- keperluan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, ketahanan diri, emosi yang positif dan sentiasa peka dengan perubahan semasa khususnya yang berkaitan dengan fungsi dan peranan Kerajaan Persekutuan.
- berperanan sebagai *servant leader* yang mampu menanamkan semangat (*power booster leader*) untuk membawa penduduk dalam zon masing-masing hampir kepada Kerajaan.

8. Kerajaan Persekutuan telah memperuntukan sebanyak RM3,702,600.00 setahun bagi tujuan elaun kepada anggota JPP di Negeri Pahang.

- Pengerusi JPP menikmati elaun sebanyak RM800 setiap bulan bagi Majlis Perbandaran atau RM500 setiap bulan bagi Majlis Daerah.
- Setiausaha akan dibayar elaun sebanyak RM400 sebulan bagi Majlis Perbandaran atau RM250 sebulan bagi Majlis Daerah.
- Bayaran akan dibuat selaras dengan pelantikan yang berkuatkuasa pada 1 November 2014.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my

CALON PENERUS		JANTINA		UMUR				
PENCALONAN PBT	MELEPAS SYARAT KPKT	LELAKI	PEREMPUAN	21-40	41-50	51-65	MELAYU	CINA
							JUMLAH	JUMLAH
264	231	211	20	42	87	102	162	52
PERATUS		91.34%	8.66%	18.18%	37.66%	44.16%	70.13%	22.51%

STATISTIK PENERUS JPP NEGERI PAHANG